



سكوله منعه سائس كوابغ پاسو

SEKOLAH MENENGAH SAINS KUBANG PASU

(SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI)

BATU 19, JALAN KODIANG,

06000 JITRA,

KEDAH DARUL AMAN.



No. Tel. : 04-925 7855

No. Faks : 04-925 7844

Emel : KEA4068@moe.edu.my

Kod Sekolah : KEA 4068

Ruj.Kami: KUPSIS.700-6/1/1 ()

Tarikh: 20 Mac 2022

Ibu Bapa/Penjaga & Murid Tingkatan 2, 3,4 & 5

Sesi 2022/2023

SM Sains Kubang Pasu

Tuan,

PEMAKLUMAN MURID TINGKATAN 2, 3, 4 DAN 5 KEMBALI KE ASRAMA BAGI MENGIKUTI PDP BERSEMUKA UNTUK SESI PERSEKOLAHAN 2022/2023

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa sesi persekolahan Penggal 1, Kalendar Akademik Sesi 2022/2023 bagi semua sekolah seluruh negara akan bermula pada 21 Mac 2022. Bagi sekolah berasrama sepenuhnya, semua murid Tingkatan 2, 3, 4 dan 5 akan menjalani PdPR untuk tempoh dua (2) minggu mulai 21 Mac 2022 sehingga 31 Mac 2022. **Bagi murid Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, mereka perlu hadir secara bersemuka tanpa penggiliran bermula 5 April 2022.**

3. Sehubungan dengan itu, **semua murid Tingkatan 2, 3, 4 dan 5** dikehendaki kembali ke asrama secara berperingkat mengikut ketetapan tarikh dan masa serta menjalani Ujian Kendiri COVID-19 mengikut jadual seperti berikut:

Tarikh/Hari	Kelas	Masa	Pakaian	Tempat Ujian Kendiri COVID-19
4 April 2022 Isnin	Tingkatan 5	8.30-9.30 pagi	Pakaian rasmi outing/ Korporat/bersesuaian	Dewan Bitara SM Sains Kubang Pasu
	Tingkatan 4	9.30-10.30 pagi		
	Tingkatan 3	10.30-11.30 pagi		
	Tingkatan 2	11.30 pg-12.30 t/h		

Nota:

- * Sila patuhi tarikh dan masa yang ditetapkan. Kenderaan ibu bapa/penjaga dibenarkan masuk ke kawasan sekolah dan dataran asrama.
- * Ibubapa / Penjaga yang mempunyai anak di dua tingkatan berbeza boleh memilih salah satu masa yang ditetapkan.
- * **Semua murid tidak dibenarkan membawa telefon bimbit termasuk telefon pintar ke asrama dan sekolah [KPM.100-6/1/18 Jlid.6(26) bertarikh 10 Mac 2022].**

* Pengurusan sekolah adalah berdasarkan Garisan Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 dan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4. Semua murid dikehendaki mengisi **Borang Pengisytiharan Kesihatan** dengan lengkap dan jujur bersama **Surat Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga bagi tujuan Ujian Kendiri COVID-19**. Kedua-dua perkara ini perlu diserahkan kepada pihak sekolah semasa pendaftaran balik ke asrama.

5 Sebagai langkah keselamatan, ibu bapa/penjaga dimohon untuk memastikan anak/anak jagaan berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala sebelum hadir ke sekolah. Murid yang bergejala atau mempunyai ahli keluarga yang disahkan positif COVID-19 serta tinggal serumah adalah tidak dibenarkan untuk hadir ke sekolah. Ibu bapa/Penjaga adalah diminta untuk memaklumkan secara rasmi akan ketidakhadiran anak/anak jagaan kepada pihak sekolah sebelum atau pada hari yang sama dengan kadar segera. Ibu bapa/Penjaga dan murid juga diminta mematuhi segala *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dikeluarkan oleh MKN, KKM, KPM, BPSBP dan pihak sekolah berkaitan pencegahan penularan COVID-19.


6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara di atas, pihak tuan/puan boleh hubungi En. Azami bin Man, Penolong Kanan HEM ditalian 019-4173310, Pn. Mazliza bt Kassim, Setiausaha HEM ditalian 012-4092709 atau Cik Faridah bt Abdul Jabbar, Setiausaha Warden ditalian 017-4573990.

7. Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZRI BIN MOHD MUHSIN)

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu

s.k YDP PIBG SM Sains Kubang Pasu